



Pelanggan Yang Dihargai,

Semakan Semula Akaun CIMB Tesco Savers anda

Terima kasih atas kesetiaan dan sokongan berterusan anda terhadap CIMB Bank Berhad. Kami ingin memaklumkan anda bahawa perkongsian kami dengan Tesco akan dihentikan menurut kajian strategik di antara CIMB Bank Berhad (13491-P) ("CIMB") dan Tesco Stores Malaysia Sdn Bhd (521419-K) ("Tesco").

Kami ingin memaklumkan anda bahawa CIMB akan menghentikan semua produk Akaun *CIMB Tesco Savers* ("Akaun Tesco Savers") dan *CIMB Tesco Debit Mastercard* ("Tesco Debit Mastercard") berkuat kuasa 1 Mac 2020 ("Tarikh Berkuat Kuasa") dan dengan ini, semua perkhidmatan dan keistimewaan yang berkenaan akan dihentikan pada Tarikh Berkuat Kuasa.

Keistimewaan dan perkhidmatan anda sebagai pelanggan CIMB Bank akan disemak semula seperti di bawah mulai 1 Mac 2020 dan seterusnya.

| Produk & Perkhidmatan | Akaun Tesco Savers (Sehingga 29 ^{hb} Feb 2020) | Akaun My Savers (1 ^{hb} Mac 2020 dan seterusnya) | | | | |
|--|---|--|-----------------------------|-----------------------------|-----------------------------|--|
| Kad Debit | Tesco Debit Mastercard | My Debit Mastercard | | | | |
| No. Akaun | 706XXXXXXX | Tiada perubahan | | | | |
| Kadar Faedah | 0.3% setiap tahun | Tiada perubahan | | | | |
| Fi Kad Debit | Fi tahunan RM18 | Fi tahunan RM15 | | | | |
| Mata yang Diperolehi bagi Perbelanjaan Kad Debit | <table border="1"><tr><td>Perbelanjaan Tesco</td><td>Perbelanjaan Di Luar Tesco*</td></tr><tr><td>RM3 = 1 Mata Tesco Clubcard</td><td>RM6 = 1 Mata Tesco Clubcard</td></tr></table> <p>*Tidak termasuk perbelanjaan ke atas petrol, diesel dan apa-apa pembelian lain yang dibuat di kiosk petrol</p> | Perbelanjaan Tesco | Perbelanjaan Di Luar Tesco* | RM3 = 1 Mata Tesco Clubcard | RM6 = 1 Mata Tesco Clubcard | Tiada mata akan diperolehi bagi Perbelanjaan Kad Debit |
| Perbelanjaan Tesco | Perbelanjaan Di Luar Tesco* | | | | | |
| RM3 = 1 Mata Tesco Clubcard | RM6 = 1 Mata Tesco Clubcard | | | | | |

- Untuk maklumat lanjut mengenai Akaun My Savers dan My Debit Mastercard, sila rujuk kepada www.cimb.com.my/myaccount dan www.cimb.com.my/mydebit
- Terma-Terma & Syarat-Syarat Akaun Simpanan dan Kad Debit CIMB hendaklah mengawal penggunaan Akaun My Savers dan My Debit Mastercard selepas pemindahan. Bagi Terma-Terma & Syarat-Syarat, sila rujuk kepada:
 - Akaun Simpanan: https://www.cimb.com.my/content/dam/cimb/personal/documents/account/savings-account/SA_BM_T&C_AUG2019.pdf.pdf
 - Kad Debit: <https://www.cimb.com.my/content/dam/cimb/personal/documents/cards/debit-card/Debit%20Mastercard%20Conventional%20BM.pdf>



Untuk memastikan pemindahan lancar kepada Akaun My Savers dan My Debit Mastercard, sila:

1. Gantikan CIMB Tesco Debit Mastercard anda sebelum 1^{hb} Mei 2020 di cawangan CIMB terdekat anda untuk mengelakkan sebarang gangguan pada perbankan harian anda kerana kad debit anda akan dinyahaktifkan pada masa itu.
2. Selesaikan sebarang tunggakan atau pertikaian berkenaan dengan mata Tesco Clubcard sebelum 1^{hb} Mac 2020 kerana semua perkhidmatan dan keistimewaan yang berkenaan akan dihentikan di bawah produk jenama bersama CIMB Tesco.

Sekiranya anda ingin memohon untuk akaun Semasa dan/atau Simpanan kami yang lain yang boleh didapati di CIMB, sila kunjungi cawangan CIMB terdekat anda sebelum 29 Februari 2020.

Sekiranya penjelasan lanjut diperlukan, sila hubungi Pusat Perhubungan kami di 03 6204 7788 atau Pusat Perhubungan *Preferred* kami di 1300885300.

Terima kasih

Yang benar,

CIMB Bank Berhad

Soalan Lazim**Am****1. Apakah produk jenama bersama CIMB Tesco?**

Produk jenama bersama CIMB Tesco adalah Kad Kredit CIMB Tesco Platinum (“Kad Kredit Tesco”), Akaun CIMB Tesco Savers (“Akaun Tesco Savers”) dan CIMB Tesco Debit Mastercard (“Tesco Debit Mastercard”).

2. Mengapakah produk-produk ini dihentikan?

Produk-produk ini dihentikan menurut kajian perniagaan strategik di antara CIMB Bank Berhad (“CIMB”) dan Tesco Stores Malaysia Sdn Bhd (“Tesco”).

3. Bilakah produk jenama bersama CIMB Tesco dihentikan?

Produk-produk ini akan dihentikan mengikut fasa-fasa seperti jadual di bawah.

| Jenis Produk | Tarikh Berkuat Kuasa |
|--|--|
| Kad Kredit CIMB Tesco Platinum | Ia akan dipaparkan dalam komunikasi rasmi kami kepada pemegang kad kami. |
| Akaun CIMB Tesco Savers dengan CIMB Tesco Debit Mastercard | 1 ^{hb} Mac 2020 dan seterusnya |

4. Bilakah notis mengenai pemberhentian produk jenama bersama dikomunasikan?

Notis pemberhentian produk jenama bersama CIMB Tesco bertarikh 1^{hb} Julai 2019 telah dikomunasikan kepada pelanggan kami. Kami juga terus berkomunikasi dengan pelanggan kami berkenaan dengan perkara ini. Kunjungi www.cimbbank.com.my/tesco untuk melihat komunikasi kami.

Semakan Semula Akaun Tesco Savers kepada Akaun My Savers**5. Mengapakah Akaun Tesco Savers dan Tesco Debit Mastercard dihentikan?**

Berikutkan kajian perniagaan strategik, kami telah memilih untuk tidak lagi menyediakan Akaun Tesco Savings dengan Tesco Debit Mastercard. Kami memohon maaf atas sebarang kesulitan tetapi kami masih boleh membantu anda dalam keperluan kewangan anda dengan produk CIMB lain yang sedia ada.

6. Bilakah Akaun Tesco Savers dan Tesco Debit Mastercard akan dihentikan?

Akaun Tesco Savers akan dihentikan berkuat kuasa 1^{hb} Mac 2020 dan Tesco Debit Mastercard akan dinyahaktifkan pada 1^{hb} Mei 2020.

Untuk mengelakkan gangguan perkhidmatan kad debit anda, sila kunjungi cawangan CIMB terdekat anda untuk menggantikan Tesco Debit Mastercard semasa anda dengan My Debit Mastercard dari 1^{hb} Mac sehingga 30^{hb} April 2020.

7. Apakah yang akan berlaku sekiranya saya masih menggunakan Akaun Tesco Savers dan Tesco Debit Mastercard saya bagi keperluan perbankan harian saya?

Kedua-dua Akaun Tesco Savers dan Tesco Debit Mastercard akan dinyahaktifkan pada 1^{hb} Mac 2020 dan 1^{hb} Mei 2020 masing-masing disebabkan oleh pemberhentian produk.

Walau bagaimanapun, kami memahami bahawa pelanggan kami memerlukan masa untuk melakukan apa yang perlu. Sila rujuk di bawah untuk maklumat lanjut berkenaan semakan semula Akaun Tesco Savers dan Tesco Debit Mastercard kepada produk CIMB kami.

| Produk Semasa | Produk Semakan Semula | Tarikh Berkuat Kuasa | Tindakan yang diperlukan |
|------------------------|-----------------------|--------------------------|--|
| Akaun Tesco Savers | Akaun My Savers | | Tiada |
| Tesco Debit Mastercard | My Debit Mastercard | 1 ^{hb} Mac 2020 | Anda dikehendaki untuk menggantikan Tesco Debit Mastercard sedia ada anda dengan My Debit Mastercard di Cawangan CIMB terdekat |

8. Apakah yang akan berlaku pada Mata Clubcard saya?

Mata Clubcard anda akan dipindahkan ke kad kesetiaan Tesco secara bulanan dengan syarat bahawa nombor keahlian Clubcard anda dikemas kini dengan CIMB sebelum 29^{hb} Februari 2020. Sekiranya anda belum lagi mengemas kini nombor keahlian Clubcard anda, anda boleh berbuat demikian dengan:

- Menghubungi Pusat Perhubungan CIMB kami di 03 6204 7788; atau
- Mengunjungi Cawangan CIMB terdekat.

Hari terakhir bagi anda memperolehi Mata Clubcard anda melalui produk jenama bersama CIMB Tesco adalah pada 29^{hb} Februari 2020.

9. Apakah yang berlaku sekiranya saya tidak mempunyai keahlian Clubcard?

Anda boleh berdaftar untuk Tesco Clubcard dari mana-mana kedai Tesco untuk e-Clubcard percuma di bit.ly/IWANTCCARD. Selepas pendaftaran, anda boleh mengemas kini nombor Clubcard baru anda dengan menghubungi Pusat Perhubungan CIMB kami di 03 6204 7788 sebelum 29 Februari 2020.

10. Adakah keahlian Tesco Clubcard sedia ada saya akan ditamatkan selepas penamatan produk jenama bersama Tesco?

Tidak, anda boleh terus menggunakan Tesco Clubcard anda apabila anda berbelanja di Tesco Stores.

11. Saya telah mengambil Tesco Debit Mastercard saya di satu Kiosk CIMB di Tesco Stores terpilih. Bolehkah saya mendapatkan kad debit saya yang dikemaskini dari outlet yang sama?

Tidak, anda perlu mengunjungi cawangan CIMB terdekat anda untuk mendapatkan satu My Debit Mastercard.

12. Saya mempunyai CIMB Debit Mastercard sedia ada. Bolehkah saya memilih untuk tidak menggantikan Tesco Debit Mastercard saya kepada My Debit Mastercard dan sebaliknya menggunakan kad debit sedia ada saya?

Ya, anda boleh memilih untuk menggantikan Tesco Debit Mastercard sedia ada anda atau pautkan ke CIMB Debit Mastercard sedia ada anda. Sila rujuk jadual di bawah untuk maklumat lanjut.

| | <u>Gantikan Tesco Debit Mastercard sedia ada anda dengan My Debit Mastercard</u> | <u>Pautkan Akaun My Savers anda dengan CIMB Debit Mastercard sedia ada anda</u> |
|-----------------------|---|--|
| Produk & Perkhidmatan | <u>Kelebihan</u> <ul style="list-style-type: none"> • Pengaturan debit auto akan dipindah secara automatik. • Boleh menggunakan kad debit anda bagi perbelanjaan. | <u>Kelebihan</u> <ul style="list-style-type: none"> • Hanya perlu memegang satu kad debit bagi Akaun-Akaun Simpanan/Semasa. |

| | | |
|--------------|--|---|
| | Keburukan <ul style="list-style-type: none"> • Perlu memegang pelbagai kad debit sekiranya anda memiliki CIMB Debit Mastercard. • Tidak boleh menukar fungsi POS anda ke Akaun-Akaun Simpanan/Semasa yang lain. | Keburukan <ul style="list-style-type: none"> • Pengaturan perlu dibuat bagi Pendebitan Auto untuk memaparkan nombor Kad Debit yang dikemas kini. • Tidak boleh pautkan fungsi POS ke kad debit anda. |
| Fi Tahunan * | RM15 | RM15 |

* Bagi pelanggan yang mempunyai lebih daripada satu kad debit, pelbagai fi tahunan akan dikenakan berdasarkan jenis kad debit.

13. Adakah fi tahunan Kad Debit RM15 akan dikenakan setelah menggantikan Tesco Debit Mastercard saya dengan My Debit Mastercard?

Tidak, fi tahunan ini hanya akan dikenakan sekiranya anda menggantikan kad anda selepas “tempoh kad semula” (“recording period”) iaitu pada 1^{hb} Mei 2020 dan seterusnya.

Untuk mengelakkan fi ini, kami mengesyorkan agar anda menggantikan kad debit anda sebelum 1^{hb} Mei 2020.

14. Adakah mungkin bagi Akaun Tesco Savers saya disemak semula ke akaun Semasa/Simpanan CIMB yang berbeza?

Ya anda boleh, anda boleh membaca dengan lebih lanjut berkenaan akaun Semasa dan Simpanan kami yang lain yang sesuai dengan keperluan anda di laman web kami di www.cimb.com.my atau secara alternatif mengunjungi mana-mana cawangan CIMB untuk mengetahui lebih lanjut menjelang/sebelum 29 Februari 2020.

15. Saya telah menetapkan pengaturan debit tertentu ke atas Akaun Tesco Savers dan/atau Tesco Debit Mastercard saya. Adakah saya perlu membuat sebarang pengaturan untuk memastikan pembayaran saya tidak terganggu?

Tidak, tidak perlu kerana pengaturan debit auto anda yang dicerminkan pada Akaun Tesco Savers anda akan dipindahkan secara automatik apabila anda menggantikan Tesco Debit Mastercard sedia ada anda kepada My Debit Mastercard pada 1^{hb} Mac hingga 30^{hb} April 2020.

Walau bagaimanapun, jika anda pautkan Tesco Debit Mastercard anda kepada CIMB Debit Mastercard sedia ada anda, atau lengkapkan penggantian Tesco Debit Mastercard anda selepas 30^{hb} April 2020, kami tidak dapat memindahkan pengaturan debit auto anda dan anda perlu membuat pengaturan bagi debit auto anda dengan *biller* anda kerana pengaturan sedia ada akan dibatalkan.

16. Akaun My Tesco Savers digunakan sebagai akaun gaji saya, adakah bayaran gaji saya akan dipengaruhi oleh semakan semula ini?

Tidak, ini adalah proses lancar dan nombor akaun anda akan kekal sama.